

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penyelidik bioteknologi di saran teruskan R&D untuk penemuan baharu	BERNAMA
2.	PKS digesa tingkatkan tahap keselamatan siber	Berita Harian
3.	1,063 anggota polis siap siaga hadapi banjir	Sinar Harian
4.	Polis Terengganu sedia hadapi banjir	Harian Metro
5.	Penang to seek help from foreign weather experts	The Sun
6.	NPS jadikan penggunanya seperti 'zombie'	Sinar Harian
7.	Latihan kecemasan tumpahan bahan kimia pamer kerjasama baik Malaysia-Singapura	BERNAMA
8.	Cop suffered side effects, court told	New Straits Times
9.	Cop 'traumatised' over exhibit bag containing accused's blouse	The Sun
10.	Pegawai polis enggan sentuh baju Siti Aisyah	Utusan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)



Penyelidik Bioteknologi Disaran Teruskan R&D Untuk Penemuan Baharu

KOTA KINABALU, 15 Nov (Bernama) -- Penyelidik dan pakar dalam industri bioteknologi perlu meneruskan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang akan membawa kepada penemuan baru dan boleh diterjemahkan kepada inovasi.

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya berkata penemuan yang dibuat oleh para penyelidik dan pakar telah dimanfaatkan oleh industri untuk memacu ekonomi ke arah pembangunan mampan demi kepentingan manusia.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada komuniti saintifik kerana mengambil bahagian dalam proses membangunkan industri bioteknologi," katanya pada pelancaran Simposium Bioteknologi Kelima yang berlangsung selama dua hari di sini hari ini.

Simposium yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Bioteknologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu bertemakan 'Bioteknologi untuk Pembangunan Mampan bagi Memenuhi Cabaran Global' menghimpunkan lebih 80 saintis, ahli akademik, pelajar, wakil industri dan profesional.

Mohd Azhar berkata pengkorporatan institut penyelidikan di bawah Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM) membantu institusi yang memberi tumpuan kepada R&D yang didorong oleh pasaran dan bebas membentuk rangkaian kerjasama dengan universiti tempatan dan antarabangsa, serta syarikat.

Beliau berkata konsep perkongsian kemudahan yang diperkenalkan oleh NIBM akan mengurangkan perbelanjaan kerajaan ke atas instrumen saintifik yang canggih dan mewah.

"Ketiga-tiga institusi penyelidikan bergabung dan dikorporatkan di bawah NIBM ialah Institut Agro-Bioteknologi, Institut Farmaseutikal dan Nutraceutikal Malaysia, dan Institut Genome Malaysia," katanya sambil menambah institusi-institusi itu memberi tumpuan kepada R&D bioteknologi serta menyediakan perkhidmatan analisis saintifik.

Mohd Azhar berkata Malaysia telah melancarkan Dasar Bioteknologi Kebangsaan pada 2005 yang bertujuan menjadikan sektor bioteknologi sebagai antara pemacu ekonomi utama, menyumbang lima peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Negara menjelang 2020.

Beliau berkata Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia (Bioeconomy Corp) memainkan peranan sebagai agensi untuk memudahkan industri bioteknologi dan yang berasaskan bio di Malaysia seperti melalui program BioNexus dan Program Transformasi Bioekonomi (BTP).

Mohd Azhar berkata beberapa program telah dijalankan oleh Bioeconomy Corp dan setakat ini, syarikat telah membantu 283 syarikat berstatus BioNexus di bawah program BNP dan 77 projek sebagai projek pencetus di bawah BTP.

BTP disasarkan menyumbang RM48 bilion daripada pendapatan negara kasar pada 2020, mewujudkan 170,000 pekerjaan dan menarik RM50 bilion dalam pelaburan menjelang 2020.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berharap melalui simposium itu, pelbagai perkongsian dan idea boleh dikongsi untuk membincangkan langkah-langkah dan menyediakan program lestari dari perspektif bioteknologi.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT 26
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN / BH]

Amirudin (lima dari kiri), bersama Ketua Pegawai Teknikal Perundingan Cybersecurity dan Operasi Keselamatan, Alan Yau (empat dari kiri) dan Ketua Pegawai Komersial SysArmy, James Chong (dua dari kanan) pada majlis Pelancaran Perkhidmatan SysArmy CyberSecurity (CAAS) untuk PKS, di Kuala Lumpur, semalam.

REVOLUSI INDUSTRI 4.0

PKS digesa tingkatkan tahap keselamatan siber

SysArmy tawar khidmat lindungi maklumat, kurangkan impak pencerobohan data syarikat

Oleh Azzman Abdul Jamal
azzman@bh.com.my

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu memberi perhatian terhadap isu tahap keselamatan siber sebelum mengadaptasi ekonomi digital khususnya dalam era Revolusi Industri 4.0.

Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia, Datuk Dr Amirudin Abdul Wahab, berkata kajian menunjukkan lebih 85 peratus daripada PKS di negara ini masih tidak memandang keselamatan siber sebagai satu perkara yang serius.

"PKS adalah sebahagian besar daripada segmen komuniti yang masih tidak mengetahui

kepentingan keselamatan siber dan manfaat yang boleh diperolehnya.

"Kita merasakan, tidak kira kecil atau besar, apabila syarikat mula memasuki era digital, seperti contoh e-dagang, mereka boleh terjejas sama ada sedar atau tidak," katanya pada majlis Pelancaran Perkhidmatan SysArmy CyberSecurity (CAAS) untuk PKS, di Kuala Lumpur, semalam.

Pakej PKS

Pada majlis itu, Amirudin berkata, SysArmy menawarkan pakej perkhidmatan keselamatan siber khusus kepada PKS untuk bantu menguruskan risiko siber yang dihadapi dengan harga mampu milik.

"Setiap syarikat yang mengurus pelbagai maklumat sensitif menghadapi risiko pencerobohan. Melindungi data itu adalah langkah penting, namun, masih banyak yang berpendapat syarikat yang dikendali tidak akan menjadi sasaran."

"Syarikat bukan sahaja perlu bimbang terhadap serangan siber dari internet yang boleh menembusi Firewall dan perisian antivirus, serta juga ancaman dalam khususnya daripada kalangan pekerja," katanya.

Beliau berkata, menerusi pakej yang ditawarkan CAAS SysArmy itu, ia akan meningkatkan tahap keselamatan maklumat syarikat terbatit serta mengurangkan impak pencerobohan data.



1,063 anggota polis siap siaga hadapi banjir



Aidi (tengah) bercakap kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat IPK Terengganu, hari ini.

KUALA TERENGGANU – Seramai 1,063 pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu bersiap siaga menghadapi banjir di negeri ini, berikutan ramalan peralihan monsun dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Jumlah itu merangkumi hampir 40 peratus keseluruhan warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) Terengganu yang akan dipecahkan kepada tiga pasukan iaitu pasukan penyelamat, bilik gerakan dan petugas di kawasan pemindahan banjir.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Aidi Ismail berkata, pihaknya menjalani lima siri latihan secara berperingkat terutamanya kepada pasukan penyelamat yang terdiri daripada 59 pegawai dan 505 anggota.

“Ia termasuklah latihan yang diberikan kepada semua pegawai dan anggota terbabit adalah cara mengendalikan bot ketika banjir, atur gerak pemindahan mangsa dan sebagainya.

“Selain daripada kekuatan sumber manusia, PDRM Terengganu juga menyediakan 47 bot bersama enjin yang berada di dalam keadaan baik untuk digerakkan pada bila-bila masa sekiranya bencana itu melanda negeri ini,” katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Menurutnya, pihaknya juga bekerjasama dengan agensi keselamatan lain bagi memastikan kelancaran proses pemindahan mangsa di sesuatu kawasan selain memastikan keselamatan kesemua mangsa terjamin.

Pada masa sama, Aidi berkata, 494 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) terdiri daripada bangunan sekolah dan dewan serbaguna dikenal pasti di seluruh negeri ini yang mampu menampung sehingga 130,000 mangsa bencana.

“Saya ingin menasihatkan orang ramai terutama mangsa banjir supaya menyimpan nombor telefon agensi keselamatan seperti PDRM; Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi membolehkan mereka memperoleh maklumat terkini berhubung situasi semasa di kawasan masing-masing,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut ingin menasihatkan orang ramai memberi kerjasama kepada pasukan keselamatan dan berpindah jika diminta kerana kita tidak dapat menjangkakan situasi yang bakal berlaku.

“Pegawai dan anggota PDRM juga akan cuba sedaya upaya untuk memantau rumah mangsa yang dipindahkan bagi mengelak sebarang kejadian jenayah berlaku ketika bencana banjir melanda,” katanya.



Polis Terengganu sedia hadapi banjir



BANJIR di Besut Januari lalu. FOTO arkib NSTP

EMPAT puluh peratus daripada jumlah keseluruhan pegawai dan anggota polis Terengganu akan ditugaskan untuk melakukan kerja menyelamat dan kawalan jika berlaku bencana banjir di negeri itu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Aidi Ismail berkata, 1,063 pegawai dan anggota sudah bersiap siaga untuk bertugas sekiranya berlaku banjir di negeri itu.

Menurutnya, jumlah itu adalah kira-kira 40 peratus daripada 2,900 pegawai dan anggota polis yang sedang berkhidmat di Terengganu ketika ini.

"**Jabatan Meteorologi** sudah mengeluarkan amaran bahawa akan berlaku empat hingga lima kali hujan lebat berikutan perubahan monsun timut laut antara 13 November lalu hingga Mac tahun depan.

"Berikutan itu, kami membuat persediaan terutamanya dari segi tenaga manusia, logistik dan latihan bagi menghadapi bencana itu," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu, hari ini.



AIDI (tengah) ketika sidang media mengenai persiapan Polis Terengganu menghadapi banjir. FOTO Mohd Syafiq Ridzuan Ambak

Menurutnya, 69 pasukan penyelamat yang membabitkan 55 pegawai dan 550 anggota akan terbabit untuk kerja menyelamat, memindahkan mangsa ke pusat pemindahan.

Katanya, 32 pasukan pula membabitkan 76 pegawai, 140 anggota dan 46 pegawai awam akan bertugas di bilik gerakan untuk menyelaras sumber manusia, jumlah mangsa dan pusat pemindahan.

"Kami juga menyediakan 47 bot dan 42 kenderaan untuk membawa bot ke kawasan dilanda bencana itu selain sudah mengadakan lima siri latihan termasuk secara teori dan praktikal bagi memastikan kelancaran operasi," katanya.

KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 08
TARIKH: 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Penang to seek help from foreign weather experts

GEORGE TOWN: Penang will seek the expertise of meteorological authorities from other countries to help it come up with a comprehensive early weather warning system.

Chief Minister Lim Guan Eng said the state's Green Council, which has been entrusted with this task, plans to engage other meteorological authorities in the region so that it can formulate its module on how best to provide an early warning system.

During the recent devastating floods, Lim had singled out the Malaysian Meteorological Services Department for its alleged lateness in issuing warnings to the people here about the impending arrival of a torrential rainstorm.

Lim said this after China had offered its expertise to Penang for

the early warning system, saying the nation has a system in place to warn people about typhoons.

China's consul-general in Penang, Wu Jun, made the offer after handing out RM62,400 to the state government's flood relief fund at the Penang Development Corporation.

The sum was collected from the people in China's Hainan province.

In another matter, Lim accused the state opposition, led by Datuk Jahara Hamid, of playing politics over the issue of landslides and floods in Penang.

Jahara led a walkout of nine Barisan Nasional backbenchers from the State Legislative Assembly sitting on Tuesday after the state government chose to amend a motion submitted earlier to ban hillslope

development projects.

Lim said at least in Penang, the state allowed for the motion to be heard whereas in Parliament, none of the Opposition's attempts to file motions was accepted.

"They (the opposition) are just playing politics.

"We amended the motion to reflect goodwill on our part but they refused to accept it."

Jahara said although the amended motion was legally binding, the state was morally wrong to hijack the process by amending the motion in the first place.

The opposition's motion was to stop all existing hillslope projects pending a review, whereas the amended version by the state, called for a joint federal and state committee to investigate such projects.



NPS jadikan penggunanya seperti 'zombie'



Mohmad Salleh

KUALA LUMPUR - Negara kini berhadapan dengan ancaman bahan psikoaktif baru atau New Psychoactive Substances (NPS) yang digunakan bagi menghasilkan dadah jenis baharu yang memberi kesan khayal lebih berbahaya daripada dadah tradisional dan sintetik.

Mendedahkan hal ini, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Seri Mohmad Salleh berkata, setakat ini daripada 800 NPS yang digunakan di luar negara, 27 NPS telahpun berjaya dikesan penggunaannya di negara ini dan tujuh daripadanya digazetkan di bawah Akta Racun 1952.

"Kebanyakan NPS dihasilkan dalam bentuk pil atau kapsul boleh menyebabkan individu yang mengambilnya menjadi aktif luar biasa, agresif dan berkelakuan tidak ubah seperti orang gila atau 'zombie'.

"Ancaman NPS ini begitu cepat berkembang dan salah satunya ialah dadah baharu jenis Flakka yang tular di laman sosial baru-baru ini namun setakat ini kita tidak mengesan dadah Flakka di negara ini," katanya dalam temu bual eksklusif dengan Bernama di pejabatnya di sini hari ini.

Menurutnya antara bahan NPS untuk menghasilkan dadah yang dikesan melalui ujian oleh Jabatan Kimia adalah Mephedrone, Methylone dan N-Benzylpiperazine.

Mohmad berkata ancaman dadah bentuk baharu ini dipercayai dihasilkan oleh ahli kimia yang menyalahgunakan ilmu pengetahuan dengan mencipta dadah hingga mampu mengubah 'trend' dadah tradisional dan sintetik kepada penagihan dadah NPS.

"Sebelum ini, rampasan dadah tradisional berkurangan kerana penagih berubah kepada pengambilan dadah sintetik seperti syabu, pil eramin 5, pil ecstasy dan lain-lain...saya melihat NPS akan ambil alih dadah tradisional dan sintetik dalam beberapa tahun lagi.

"Jadi semua pihak perlu memainkan peranan termasuk mengadakan kempen bagi memberikan kesedaran kepada generasi muda kerana harga dadah NPS dijangka lebih murah dan mudah diseludup berikutan berbentuk kapsul atau pil yang sukar dikesan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata kewujudan dadah NPS merupakan cabaran begitu besar bagi JSJN dalam mengawal dan menghapuskan dadah yang dikenali dengan nama-nama saintifik itu berikutan ia menyerupai bentuk ubat-ubatan.

Mohmad berkata pihaknya menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan dan **Jabatan Kimia** yang mempunyai kepakaran untuk menentukan sama ada pil yang dirampas dadah NPS atau sebaliknya.

"Namun, penguatkuasaan dan pemulihan sahaja tidak mencukupi tetapi kesedaran kepada masyarakat dari pelbagai institusi terutamanya keluarga dan jabatan kerajaan yang berkaitan.

"Mereka perlu memainkan peranan dan melaksanakan tugas secara bersama dalam mengekang masalah dadah," katanya. - Bernama

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)



Latihan Kecemasan Tumpahan Bahan Kimia Pamer Kerjasama Baik Malaysia - Singapura

ISKANDAR PUTERI, 15 Nov (Bernama) -- Latihan kecemasan tumpahan bahan kimia hasil kerjasama Malaysia dan Singapura yang diadakan di Linkedu hari ini menunjukkan satu kerjasama baik antara kedua negara terbabit.

Latihan kali ke-11 itu yang diadakan di bawah program dua hala kedua-dua negara itu melibatkan 240 anggota daripada 24 pelbagai agensi termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia dan Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEO) Singapura.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAS Mokhtar Abdul Majid, setakat ini tiada kes tumpahan bahan kimia dilaporkan dan dengan hasil kerjasama kedua pihak, agensi-agensi kecemasan dari kedua buah negara dapat bersiap sedia bagi menghadapi segala kemungkinan sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan tumpahan bahan kimia.

"Latihan hari ini dikendalikan dengan sangat baik dan pantas serta ia dilihat mampu meningkatkan tahap kesiapsiagaan, kecekapan serta memantapkan perkhidmatan kedua-dua negara memandangkan setiap tahun sebanyak 110,000 tan metrik bahan kimia berbahaya melalui lebuhraya Linkedu yang menghubungkan kedua belah negara," katanya selepas tamat operasi berkenaan di lebuh raya berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif NEO Ronnie Tay berkata setiap situasi latihan kecemasan berbeza yang diadakan sangat membantu kedua-dua negara dalam memberi respons terhadap sebarang situasi dan latihan perlu dijalankan lebih kerap agar semua anggota bersedia.

Latihan kecemasan itu yang bermula kira-kira 10.30 pagi mengambil masa lebih kurang 30 minit, bermula dengan simulasi kemalangan melibatkan dua buah kenderaan iaitu lori yang membawa enam tong mengandungi bahan kimia berbahaya iaitu asid hidroklorik (HCL) dan sebuah kereta.

Kemalangan itu yang berlaku di Km 1.3 jambatan laluan kedua tersebut menyaksikan situasi sebuah kereta melanggar lori yang membawa tong berisi bahan kimia berkenaan setelah pemandu kereta gagal mengawal kenderaan.

Ekoran pelanggaran itu sebanyak dua biji tong jatuh di wilayah Singapura dan tiga tong di wilayah Malaysia pecah yang menyebabkan bahan kimia berbahaya itu melimpah di jalan raya dan mengeluarkan asap manakala satu tong yang tertutup rapi jatuh ke dalam perairan Malaysia.

Antara agensi-agensi yang terlibat dalam latihan berkenaan termasuk Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, **Jabatan Kimia**, Pasukan Polis Singapura, Pengawal Pantai Singapura dan Pihak Berkuasa Imigresen dan Pemeriksaan Singapura.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (NATION) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

COP SUFFERED SIDE EFFECTS, COURT TOLD

He had seized the clothes worn by Indonesian accused

KHAIRAH N KARIM
SHAH ALAM
news@nst.com.my

An arresting officer, who seized the clothes worn by Indonesian Siti Aisyah on the day North Korean Kim Chol was killed, suffered the side effects of VX nerve agent for a week, the High Court heard.

Traumatised by his experience, Superintendent Nasri Mansor who was a witness in the murder trial, which has entered its 17th day, initially, did not dare touch the exhibits which contained Siti Aisyah's grey sleeveless top, a pair of denim pants, scarf and a pair of shoes.

"I am afraid to touch them (the clothes of Siti Aisyah) because

the first time I touched the clothes, I experienced some symptoms.

"When I seized the clothes I was not wearing gloves as I did not know (that there were degradation products of VX on the clothes)," he said.

However, Siti Aisyah's counsel Gooi Soon Seng insisted that the exhibits be opened for identification as parts of the clothes that contained VX had been cut off.

Judge Datuk Azmi Ariffin then allowed the exhibits to be opened in the courtroom and advised those who were sitting near the exhibits to wear gloves and masks for precaution.

Nasri, who is attached to the Selangor police contingent headquarters, was startled when Gooi took the scarf and went towards him in the witness dock.

In the previous proceedings,

chemical weapon analyst Dr S. Raja had advised the court to not open the exhibits in the courtroom as the nerve agent on the exhibits was still active and could be harmful.

The exhibits then had to be identified at the Department of Chemistry in Petaling Jaya as a precautionary measure.

Earlier during examination-in-chief by deputy public prosecutor Muhamad Iskandar Ahmad, Nasri testified that Siti Aisyah was found lying on a bed in a hotel room of which the door was left ajar, three days after Kim Chol's murder.

The witness said upon receiving information on the accused at 1.30am on Feb 16, he went to Flamingo Hotel in Ampang with his team, which consisted of six personnel.

"We arrived at the hotel at

2.15am and took the elevator to the third floor to room number 365.

"We saw that the room door was slightly ajar. I knocked on the door first before entering. When I entered the room, I saw a woman lying on the bed... the room was bright with all the lights switched on," he said.

Nasri said during the arrest, Siti Aisyah was shocked and asked what offence she had committed.

"I told her that she was suspected to be involved in a murder case at klia2 on Feb 13 before seizing two handphones and US\$300 (RM1,254) in three US\$100 notes, a pair of Rayban sunglasses, her purse, a Louis Vuitton handbag, and a pair of shoes.

"I also seized another pair of shoes, a pair of denim pants, a scarf, a grey sleeveless T-shirt and the passport belonging to the accused at the hotel room."

Nasri said the items were placed in a black plastic bag and Siti Aisyah was handcuffed and

taken to the Sepang district police headquarters.

He said they arrived at the Sepang police headquarters at 4.15am.

Nasri was testifying in the trial of Siti Aisyah, 25, and Vietnamese Doan Thi Huong, 28, who are charged with murdering Kim Chol, along with four others still at large, at the Kuala Lumpur International Airport 2 (klia2) on Feb 13.

During cross-examination by Gooi, Nasri denied that two women known as May and Wati were renting the hotel room together with Siti Aisyah since a year ago.

Gooi: During the raid, May and Wati were lying on the bed, while Siti Aisyah was sitting on the bed?

Nasri: I disagree.

Trial continues tomorrow.

Kim Chol, 45, who was claimed to be Kim Jong nam, the estranged half-brother of North Korean leader Kim Jong-un, was killed by the highly toxic liquid nerve agent VX.



KERATAN AKHBAR
THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS) : MUKA SURAT 06
TARIKH: 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

Cop 'traumatised' over exhibit bag containing accused's blouse

SHAH ALAM: A police officer who arrested the first accused, Siti Aisyah, in the murder case of North Korean leader Kim Jong-Un's half-brother Kim Jong-Nam appeared traumatised when asked to open an exhibit bag containing a blouse without sleeves belonging to her at the High Court.


Selangor police contingent headquarters D9 (Special Investigation Division) officer Supt Nasri Mansor said he was afraid to open the bag for fear he might be affected (by VX nerve agent residue).

"During the raid and seizure, I suffered its side-effects for a week after handling the blouse without wearing gloves," he said when cross-examined by Siti Aisyah's counsel Gooi Soon Seng.

"The part smeared with poison had been cut off and disposed when analysed by Dr S. Raja and what is in the exhibit bag are the remains. As such the exhibit can be opened," Gooi said.

Deputy public prosecutor Muhamad Iskandar Ahmad did not object to opening the exhibit bag and left the matter to the discretion of the court.

Judge Datuk Azmi Ariffin



allowed it after all parties agreed, with a reminder that it was to be done at one's own risk.

He also allowed all parties to put on surgical masks in court.

Earlier, Gooi had told Nasri to open the exhibit as he wanted to show the markings made on the blouse using a marker pen as they were not visible when seen through the exhibit bag.

The 16th witness explained the markings were missing as the section of the blouse had been cut off for analysis in the laboratory.

To a question by Gooi, Nasri denied there were two other women named "Mey" and "Wati" renting the room with Siti Aisyah since last year, and they were not present during the raid to apprehend her.

Nasri was testifying in the trial of Siti Aisyah, 25, and Vietnamese Doan Thi Huong, 28, who were charged with four others still at large, with the murder of Jong-Nam, 45, at the departure hall of klia2 on Feb 13. - Bernama

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 16 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

Pegawai polis enggan sentuh baju Siti Aisyah

SHAH ALAM 15 NOV. - Seorang pegawai polis trauma apabila diminta untuk membuka bungkusannya baju kemeja T tanpa lengkap milik tertuduh pertama, Siti Aisyah yang dipakai pada hari lelaki Korea Utara, Kim Jong-nam atau turut dikenali sebagai Kim Jong-nam diserang dengan racun agen saraf VX.

Pegawai Turus D9 (Siasatan Khas), Superintenden Nasri Mansor, 40, dari Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, keengganananya adalah disebabkan dia pernah mengalami kesan sampingan selama seminggu selepas menyentuh pakaian itu.

"Yang Arif, saya takut nak buka sebab sebelum ini saya dah pegang masa rampasan dan saya tak pakai sarung tangan dan saya mengalami kesan sampingan selama seminggu," ujarnya.

Saksi pendakwaan ke-16 itu juga kelihatan tersentak apabila peguam, Gooi Soon Seng hendak meletakkan sebuah skaf putih milik tertuduh warga Indonesia itu di hadapannya untuk pengecaman menyebabkan lelaki itu cepat-cepat berkata: "Letak di situ!" sambil menunjuk ke arah meja bahan bukti.

Saksi itu memberi reaksi tersebut dalam perbicaraan terhadap Siti Aisyah, 25, dan warga Vietnam, Doan Thi Huong, 28, yang didakwa membunuh Jong-nam, 45, bersama-sama empat individu yang masih bebas di Balai Berlepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), Sepang kira-kira pukul 9 pagi, 13 Februari lalu.

Perbicaraan yang masuk hari ke-18 hari ini melibatkan pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Kesejahteraan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Soong Seng yang mewakili Siti Aisyah meminta Nasri untuk membuka bungkusannya pakaian itu dan menunjukkan tandaan yang dibuat oleh

saksi berkenaan pada kemeja T itu sewaktu rampasan di bilik penginapan wanita itu di nomor 356, Hotel Flamingo, Ampang dekat sini, kita-kira pukul 2.15 pagi, 16 Februari lalu.

Saksi berkenaan sewaktu pemeriksaan utama oleh Pengarah Pendakwaan Negeri Selangor, Muhamad Iskandar Ahmad memaklumkan selain baju dan skaf berkenaan, turut dirampas ialah cermin mata jenama Rayban dan beg tangan Louis Vuitton, dua telefon bimbit masing-masing jenama Oppo dan iPhone 6, dan wang tunai berjumlah AS\$300 (RM1,254).

Nasri turut memberitahu, ketika dia dan pasukannya memasuki bilik penginapan tertuduh, wanita itu sedang berbaring di atas katil dengan pintu tidak berkunci dan sedikit terbuka.

'Permintaan' untuk membuka bungkusannya pakaian itu oleh peguam tersebut turut menyebabkan berlaku sedikit kekalutan dalam kalangan mereka yang terlibat sehingga mengakibatkan Hakim Datuk Azmi Ariffin terpaksa menenangkan keadaan.

"Boleh buka kalau tidak mendatangkan kemudarat. Saya juga boleh tangguhkan sebentar prosiding untuk peguam buka dan tengok. Kalau sesiapa nak pakai penutup hidung dan mulut, boleh pakai tetapi saya kena pakai," katanya yang disambut gelak tawa mereka yang hadir.

Pada ketika itu, turut kelihatan beberapa individu di galeri awam memilih untuk keluar dari dewan mahkamah termasuk seorang wartawan yang sedang mengandung sebelum barang kes itu dibuka.

Pada prosiding terdahulu, pakar dalam bidang agen saraf VX di negara ini, Dr. S. Raja menasihatkan agar bungkusannya berisi pakaian Siti Aisyah dan Thi Huong tidak dibuka di mahkamah atau di tempat terbuka memandangkan racun yang terdapat pada pakaian kedua-dua tertuduh masih dalam keadaan aktif sifatnya.

Perbicaraan bersambung esok.

